

Bachelor Kejuruteraan Pertanian dan Biosistem

Pengenalan

Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian merupakan pelopor pendidikan tinggi kejuruteraan pertanian dan menawarkan program Bachelor Kejuruteraan Pertanian dan Biosistem (BKPB) dengan tempoh pengajian empat tahun dan jumlah kredit bergraduasi sebanyak 128. Selaras dengan matlamat negara untuk memperkasa bidang pertanian bagi memastikan kelestarian bekalan makanan serta penjana pendapatan yang lumayan, program BKPB memenuhi keperluan tenaga kerja terlatih dan berkemahiran untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan rekabentuk peralatan pertanian dan kenderaan luar jalan; robot dan pengotomatan; sistem kawalan dan rawatan hasil buangan pertanian; melindungi kualiti dan pengurusan air di permukaan dan bawah tanah; kemudahan tanaman dan ternakan; serta pengurusan perladangan dan sumber asli menggunakan teknologi maklumat.

Program ini mempunyai empat pilihan pengkhususan iaitu Lepas Tuai dan Sekitaran, Tanah dan Sumber Air, Informatik Pertanian serta Mekanisasi dan Automasi. Objektif program ini adalah; i) untuk melahirkan jurutera yang berpengetahuan dalam bidang kejuruteraan pertanian dan biosistem dengan kemahiran dan sikap yang sesuai untuk bekerja dalam industri; ii) untuk melahirkan jurutera yang kreatif dan inovatif, serta prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat, budaya dan persekitaran; iii) untuk mengeluarkan jurutera yang berkebolehan untuk menyelesaikan masalah rekabentuk dan pembangunan termaju di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pelajar juga didedahkan kepada pertandingan berkaitan kejuruteraan pertanian dan biosistem di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta berpeluang mengikuti latihan praktikal dan menyertai program pertukaran pelajar di luar negara.

Peluang Kerjaya

Peluang pekerjaan bagi graduan BKPB adalah meluas dan pelbagai, merangkumi aspek pengurusan, perundingan dan pembinaan, penyelidikan dan pembangunan, pemantauan dan kawalan, perkhidmatan teknikal, jualan dan pemasaran, pengeluaran dan pemprosesan, perniagaan dan keusahawanan, serta pendidikan dan latihan. Peluang yang meluas dan pelbagai ini adalah hasil daripada sifat versatil program **BKPB**. Sifat versatil ini telah menyebabkan permintaan tinggi bagi graduan BKPB sepanjang masa. Program BKPB diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Institut Jurutera Malaysia (IEM), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (EAC). Graduan BKPB juga berpeluang bekerja di luar negara kerana program **BKPB** juga diiktiraf oleh Washington Accord di peringkat antarabangsa. Hingga kini, ramai graduan BKPB telah diambil bekerja dalam banyak sektor awam dan swasta seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah

Persekutuan (FELCRA), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI), Agensi Nuklear Malaysia, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Bank Pertanian, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Marditech, Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA), Tradewinds Plantation Berhad, Industri Minyak dan Gas, Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), KULIM (Malaysia) Berhad, Sime Darby, Genting Plantation, Kuala Lumpur Kepong Berhad, IOI Plantation, Charoen Pokphand Group, Top Glove Corporation Bhd, Sony, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Politeknik serta Kementerian Pendidikan Malaysia. Terdapat juga graduan yang menceburi bidang keusahawanan dengan membuka syarikat rekabentuk kejuruteraan, fabrikasi serta membekal alatan kejuruteraan.

Syarat Kemasukan

Kelayakan Minimum Calon STPM	Kelayakan Minimum Calon Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/Asasi UiTM/Asasi Sains Pertanian UPM
<p>Memenuhi Syarat Am Universiti dan Keperluan Khas Program</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.80;</p> <p>dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Matematik Tambahan; dan • Fizik/Biologi <p>dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam Malaysian University English Test (MUET); ATAU</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C/6C pada peringkat SPM dalam mata pelajaran bahasa Inggeris</p>	<p>Memenuhi Syarat Am Universiti dan Keperluan Khas Program</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.80; dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) pada peringkat Matrikulasi/Asasi dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Matematik/Matematik Kejuruteraan; dan • Fizik/Fizik Kejuruteraan/Biologi <p>dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam Malaysian University English Test (MUET); ATAU</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C/6C pada peringkat SPM dalam mata pelajaran bahasa Inggeris</p>
Kelayakan Minimum Calon Diploma/Setaraf	

<p>Memenuhi Syarat Am Universiti dan Keperluan Khas Program</p> <p>Dengan memiliki Diploma dalam bidang yang sesuai dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.80 atau kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat UPM</p> <p>dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam Malaysian University English Test (MUET); ATAU</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C/6C pada peringkat SPM dalam mata pelajaran bahasa Inggeris</p>
--

Kurikulum (2016 – 2020):

Kursus yang ditawarkan dibahagi kepada tiga kategori, iaitu Kursus Umum, Kursus Teras dan Kursus Elektif:

Komponen Kurikulum	Keperluan EAC (jumlah jam kredit minimum)	Kurikulum Bacelor Kejuruteraan Pertanian dan Biosistem	Peratus
Kursus Umum	Tiada nilai minimum ditetapkan		
Kursus Teras	80		
Kursus Elektif			
Jumlah Keseluruhan	120	128	100%

Jumlah Jam kredit bergraduat: 128

Tempoh Pengajian: 8 semester (4 tahun)

Yuran Pengajian:

Kod	Program	Purata Kos Seorang Pelajar Setahun	Yuran Pengajian Setahun	Subsidi Kerajaan Kepada Pelajar Setahun
PK05	Bacelor Kejuruteraan	RM24,921.00	RM4,430.00	RM20,491.00

	Pertanian dan Biosistem			
--	--------------------------------	--	--	--

Pegawai untuk dihubungi:

Prof. Madya Dr. Wan Zuha bin Wan Hasan
B.E.(UPM), M.Sc.(UPM), Ph. D (UKM), SMIEEE
Timbalan Dekan (Prasiswazah)
Telefon: 603-89464365
Emel: wanzuha@upm.edu.my

Prof. Madya Dr. Siti Khairunniza binti Bejo
B.E. (Computer and Communication Systems) (UPM)
Ph. D. (Image Processing) (Univ. of Surrey,UK)
Ketua Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian
Telefon: 603-8946 4332
Emel: skbejo@upm.edu.my

En. Jamali bin Janib
Penolong Pendaftar Kanan (Akademik, Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)
Telefon: 603-8946 6275
Emel: jamali@upm.edu.my

Alamat:
Bahagian Pengajian Prasiswazah
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR, MALAYSIA
Telefon: +603-8946 6272 / 6273
Faks: +603-86567124
Emel: eng.tdps@upm.edu.my
Website: www.eng.upm.edu.my

Tarikh Kemas kini: 10 April, 2017